

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 18 MEI 2015

**SOALAN : Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:-**

- (a) adakah Kerajaan akan membuat apa-apa bantahan rasmi secara lisan dan bertulis ke atas Kerajaan Bangladesh sebelum atau selepas hukuman bunuh ke atas pemimpin Jamaat Islami Bangladesh, Muhammad Kamaruzzaman dilaksanakan pada 11 April 2015; dan
- (b) jika ya, bila bantahan tersebut dibuat dan apakah respon Kerajaan Bangladesh, dan jika tidak, mengapakah tidak ada bantahan dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang atas soalan yang dikemukakan.

2. Sebagaimana yang sudah saya maklumkan di Dewan yang mulia sebelum ini melalui jawapan bertulis bertarikh 25 November 2014, Malaysia masih mengambil pendirian untuk tidak mencampuri urusan dalaman dan perundangan Bangladesh yang jelas mengambil tindakan yang dirasakan perlu dalam menyelesaikan masalah dalaman negara tersebut sebagai sebuah negara berdaulat. Perbicaraan yang dilakukan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Tribunal Antarabangsa yang telah ditubuhkan pada 25 Mac 2010 oleh Kerajaan Bangladesh adalah mengikut lunas undang-undang tempatan yang berlandaskan piawaian antarabangsa.

Sekian, terima kasih.